



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 19 MEI 2026**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MAHA 2026 SASAR EMPAT JUTA PENGUNJUNG, PELABURAN RM8 BILION, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 9	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	LEBIH 50 PERATUS PESAWAH MADA MULA PENANAMAN, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 9	
3.	PARAS AIR TIGA EMPANGAN SELIAAN MADA MENINGKAT, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 9	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
4.	LADANG BABI TUTUP SEPENUHNYA DI SELANGOR MULAI JULAI, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 9	LAIN – LAIN
5.	HARGA SAYUR DI PASAR SITI KHADIJAH NAIK RM2 SEKILOGRAM, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 29	
6.	KOS NAIK, HARGA LEMBU KORBAN KEKAL, NEGARA, KOSMO, M/S – 13	
7.	TANGKAP HASIL LAUT RM2J TANPA PERMIT, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 17	
8.	TASTING GUAVAS' SWEET SUCCESS, EVENTS, THE STAR, M/S – 8	
9.	PRICE HIKES PUSH COMMUNITY, HOME GARDENING INITIATIVES, EVENTS, THE STAR, M/S – 8	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/5/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	9

MAHA 2026 sasar empat juta pengunjung, pelaburan RM8 bilion

SERDANG: Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2026 menyasarkan nilai jualan langsung RM55 juta dan potensi pelaburan bernilai RM8 bilion melalui pemeteraian memorandum persefahaman (MoU) dan memorandum perjanjian (MoA).

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, sasaran itu diyakini mampu dicapai sepanjang 10 hari pelaksanaannya mulai 28 Ogos hingga 6 September ini dengan sasaran kehadiran empat juta pengunjung.

Beliau berharap acara yang dianjurkan dua tahun sekali itu menjadi tarikan ramai walaupun ketika dunia berdepan dengan krisis tenaga global.

“MAHA 2026 akan melibatkan penyertaan 2,000 pempamer dari dalam dan luar negara. Program ini juga dijangka melibatkan seramai 800,000 golongan belia. Kita juga menumpukan ke arah aspek pemodenan dalam pertanian, contohnya seperti penggunaan aplikasi kecerdasan buatan (AI) bagi tujuan



MOHAMAD Sabu (tengah) diberi penerangan oleh Ketua Sekretariat MAHA 2026, Datuk Dr. Mohd. Haniff Hassan (kiri) pada sesi Pitch & Connect @ MAHA 2026 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), Serdang, semalam. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

menyemai benih padi supaya menarik minat generasi muda.

“MAHA 2026 dengan tema ‘Penciptaan Nilai Demi Keterjaminan Makanan’ memberi penekanan kepada usaha meningkatkan nilai dalam keseluruhan rantaian agromakanan negara.

“Tema tersebut juga selaras dengan aspirasi negara untuk membangunkan ekosistem agromakanan yang berdaya tahan, berasaskan teknologi,” katanya ketika sesi minum petang Pitch & Connect @ MAHA 2026 di MAEPS, di sini semalam.

Lebih 50 peratus pesawah MADA mula penanaman

Serdang: Lebih 50 peratus pesawah di bawah Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) sudah memulakan kerja penyediaan tanah bagi fasa pertama penanaman padi tahun ini.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata perkembangan positif itu berlaku selepas kebimbangan sebelum ini apabila hampir 90 peratus pesawah di Kedah, termasuk di kawasan MADA, masih belum memulakan penanaman berikutan peningkatan kos operasi dan kekurangan bekalan air.

Mengikut jadual MADA, penanaman bagi Fasa Satu sepatutnya bermula pada 15 April lalu, diikuti Fasa Dua pada 29 April dan Fasa Tiga pada Rabu lalu.

"Lebih 50 peratus pesawah sudah mula membajak dan air juga sudah memasuki sawah walaupun paras takungan empangan belum mencapai tahap memuaskan.

"Penanaman akan bermula tidak lama lagi kerana lebih se-

paruh sudah selesai membajak. Proses itu sedang berjalan ketika ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan program Hi-Tea Pitch & Connect @MAHA 2026 di Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS) di sini, semalam.

Mohamad berkata, kelewatan penanaman boleh menjelaskan kadar sara diri beras (SSR) negara, memandangkan Kedah adalah negeri pengeluar utama beras negara.

"Jika berlaku kelewatan, sudah tentu akan ada pengurangan. Faktor cuaca juga boleh menjejaskan jadual penanaman.

"Bagaimanapun, jika berlaku kekurangan SSR, insya-Allah kita ada usaha untuk menampung sebarang kekurangan," katanya.

Media sebelum ini melaporkan kelewatan berpanjangan dalam penanaman padi di Kedah boleh memberi kesan besar terhadap bekalan beras negara, dengan sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) memberi amaran mengenai implikasi terha-



Mohamad bersama rakan strategik selepas merasmikan program Hi-Tea Pitch & Connect @MAHA 2026 di MAEPS, Serdang, semalam. (FOTO BERNAMA)

rap keterjaminan makanan negara.

Sementara itu, Mohamad berkata, penganjuran Pameran Pertanian Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) tahun ini yang dijadual berlangsung dari 28 Ogos hingga 6 September akan memberi fokus kepada pemodenan pertanian bagi menarik minat generasi muda

menyertai sektor itu.

Beliau berkata, pameran itu akan mengetengahkan teknologi seperti aplikasi kecerdasan buatan (AI) dan penggunaan dron untuk penaburan benih padi serta pengurusan tanaman, termasuk inovasi dari luar negara.

"Tema tahun ini memberi fokus kepada pemodenan supaya generasi muda lebih terbahit

dan berminat dalam bidang pertanian.

"Kita mahu tunjukkan bagaimana teknologi pertanian moden boleh meningkatkan hasil dan memberi manfaat kepada pemain industri," katanya.

Mohamad berkata, kementerian menyasarkan tajaan antara RM10 juta hingga RM15 juta bagi penganjuran acara berkenaan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/5/2026	HARIAN METRO	LOKAL	9

Alor Setar: Paras air di tiga empangan di seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) meningkat setakat kelmarin, susulan hujan serta pelaksanaan Operasi Pembenihan Awan (OPA).

Bahagian Pengurusan Empangan dan Sumber Air MADA dalam kenyataan berkata, peningkatan direkodkan di Empangan Pedu, Muda dan Ahning.

Katanya, Empangan Pedu mencatatkan peningkatan 0.03 peratus kepada 41.47 peratus berbanding hari sebelumnya dengan pelepasan air sebanyak 500 cusec (kaki padu sesaat).

"Empangan Muda meningkat lebih ketara iaitu 1.2 peratus kepada 15.5 peratus, bagaimanapun tiada pelepasan air dilakukan di empangan berkenaan.

"Bagi Empangan Ahning, meningkat 0.06 peratus kepada 51.58 peratus dengan pelepasan air sebanyak 100 cusec," katanya.

MADA turut memaklumkan operasi pembukaan pintu air di Empangan Pedu dan Empangan Ahning masih diteruskan bagi memastikan sumber bekalan

Paras air tiga empangan seliaan MADA meningkat

air domestik mencukupi.

Katanya, jumlah keseluruhan kadar pelepasan air di dua empangan itu adalah sebanyak 600 cusec.

"Orang ramai turut digesa menggunakan sumber bekalan air secara berhemat bagi memastikan jaminan bekalan air pada masa depan terus terpelihara.

"MADA juga merakamkan penghargaan dan terima kasih tidak terhingga kepada Agensi Pengurusan

"Orang ramai turut digesa menggunakan sumber bekalan air secara berhemat bagi memastikan jaminan bekalan air pada masa depan terus terpelihara"

Bahagian Pengurusan Empangan dan Sumber Air MADA

Bencana Negara (NADMA), Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) serta semua agensi berkaitan atas usaha melaksanakan OPA di kawasan tadahan empangan MADA sehingga kini," katanya.

Operasi Pembenihan Awan siri kelima dilaksanakan pada 12 Mei lalu bagi menangani isu penyusutan paras air di empangan kritikal akibat fenomena cuaca kering yang melanda Kedah dan Perlis.

Lokasi sasaran bagi operasi itu membabitkan Empangan Pedu, Muda, Ahning dan Beris di Kedah serta Empangan Timah Tasoh di Perlis.

Susulan pelaksanaan intervensi berkenaan, hujan dikesan seawal jam 3 petang di kawasan tadahan utama Kedah dengan merekodkan kadar taburan hujan antara 10 milimeter (mm) hingga 70 mm.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/5/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	9

Ladang babi tutup sepenuhnya di Selangor mulai Julai

SHAH ALAM: Ladang babi di Tanjong Sepat, Kuala Langat dijangka ditutup sepenuhnya pada Jun ini selepas tempoh enam bulan proses penutupan diberikan oleh kerajaan negeri kepada para penternak sejak Februari lalu.

Bermula 1 Julai, mereka sepatutnya sudah pun menyelesaikan urusan termasuk menjual ternakan mereka dan tindakan penguatkuasaan akan diambil terhadap penternak yang ingkar arahan tersebut selepas tarikh tersebut.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjong Sepat, Borhan Aman Shah berkata, tempoh tersebut merupakan kelonggaran diberikan bagi penternak masih mempunyai ternakan babi masih kecil atau baru lahir yang belum boleh dijual dan dipindahkan.

“Kita sudah beri peluang enam bulan kerana mereka memaklumkan masih ada

urusan perlu diselesaikan. Selepas tamat tempoh itu, penguatkuasaan akan dilaksanakan,” katanya ketika ditemui pemberita di sini, semalam.

Terdahulu, beliau yang juga Exco Perumahan dan Kebudayaan Selangor hadir Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Kerajaan Selangor.

Jelasnya, ketika ini sebahagian premis juga sudah ditutup dan tindakan lanjut akan diambil terhadap mana-mana pihak yang gagal mematuhi arahan ditetapkan.

Februari lalu Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menitahkan supaya ladang babi ditutup dan tidak berkenan sebarang pembukaan ladang baharu termasuk di tempat yang dicadangkan di Bukit Tagar, Hulu Selangor.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/5/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29

Harga sayur di Pasar Siti Khadijah naik RM2 sekilogram

KOTA BHARU: Faktor cuaca panas berpanjangan dan kenaikan kos diesel dikenal pasti antara punca beberapa jenis sayur mengalami kenaikan sehingga RM2 sekilogram, sejak kebelakangan ini.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di Pasar Siti Khadijah di sini mendapati, harga sawi, timun, kacang panjang, salad dan kailan meningkat berbanding sebelumnya.

Peniaga, Nurul Fatma Zulkifli, 40, berkata, sawi kini dijual RM6 sekilogram berbanding RM4 sebelum ini manakala salad meningkat kepada RM16 sekilogram dan kacang panjang pula RM10 sekilogram.

Menurutnya, kebanyakan bekalan diperolehi daripada pembekal pada harga lebih tinggi, sekali gus memaksa peniaga menaikkan harga jualan.

"Keadaan cuaca panas dan kenaikan harga diesel dipercayai antara faktor utama harga sayur meningkat ketika ini.

"Walaupun harga naik, pelanggan masih membeli, namun kuantitinya tidak sebanyak sebelum ini," katanya ketika ditemui.

Seorang lagi peniaga yang ingin dikenali sebagai Kedeng, 66, berkata, harga lada solok mencecah RM20 sekilogram berbanding RM18 sebelum ini manakala kailan meningkat daripada RM6 kepada RM8 sekilogram.

Katanya, kenaikan harga itu turut memberi kesan kepada peniaga kerana margin keuntungan semakin kecil.

"Peniaga pun terkesan dengan kenaikan harga sayur, untung tidak seberapa. Bagaimanapun, pelanggan memahami keadaan semasa yang dihadapi peniaga," katanya.



Keadaan cuaca panas dan kenaikan harga diesel dipercayai antara faktor utama harga sayur meningkat ketika ini."



MOHD. RASOL memberikan rumput kepada lembu ternakannya ketika ditemui di Kampung Padang Pulut, Dungun baru-baru ini.

Kos naik, harga lembu korban kekal

DUNGUN – Biarpun berdepan kenaikan kos pengangkutan susulan lonjakan harga bahan api, seorang penternak memilih untuk mengekalkan harga lembu korban sempena Aidiladha pada minggu hadapan.

Mohd. Rasol Ismail, 36, berkata, harga lembu korban tahun ini kekal RM4,500 hingga RM6,000 seekor bergantung kepada saiz dan baka.

“Kebanyakan haiwan ini dibawa masuk dari Thailand sejak awal tahun untuk dipelihara sebelum dijual untuk ibadah korban.

“Tahun lalu, kos pengangkutan untuk membawa masuk seekor lembu RM220. Tahun ini disebabkan perang Asia Barat, kosnya melonjak kepada RM350 seekor,” katanya ketika ditemui di Kampung Padang Pulut, di sini baru-baru ini.

Mohd. Rasol berkata, secara keseluruhannya kos membawa masuk 40 ekor lembu dari negara jiran tahun ini mencecah RM14,000, berbanding RM8,800 tahun lalu.

Bekas mekanik yang mula menceburi bidang penternakan lembu sejak tahun 2020 berkata, dia memilih untuk tidak menaikkan harga kerana

mahu membantu lebih ramai penduduk di Terengganu melaksanakan ibadah korbar pada tahun ini.

“Biarlah untung kecil asalkan saya dapat membantu ramai orang menunaikan ibadah korban. Saya anggap ia amal jariah. Alhamdulillah permintaan lembu korban pada tahun ini amat memberangsangkan melebihi 180 ekor,” katanya.

Tambahnya, selain orang perseorangan, kebanyakan pelanggannya terdiri badan bukan kerajaan, pihak pengurusan masjid dan surau. Antara baka lembu yang mendapat permintaan tinggi untuk ibadah korban ialah KK Cross dan Brahman.

“Setakat ini, saya mendapat tempahan dua ekor lembu sadu baka Charolais. Kesemua lembu ternakan saya termasuk import melepasi saringan Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan bebas penyakit,” katanya.

Haiwan-haiwan yang dibawa masuk dari Thailand akan diternak sekurang-kurangnya empat bulan dan diberi makar empat kali sehari bagi memastikan ia sihat dan mempunyai berat mencukupi menjelang sambutan Aidiladha.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/5/2026	HARIAN METRO	LOKAL	17



VESSEL tradisional, hasil tangkapan dan peralatan menangkap ikan dianggarkan bernilai lebih RM2 juta dirampas.

BOT NELAYAN INDONESIA CEROBOH PERAIRAN NEGARA

Tangkap hasil laut RM2j tanpa permit

Oleh Muhaamad Hafis Nawawi
mhafis@mediaprima.com.my

Lumut

Sebuah Vesel Nelayan Asing Indonesia (VNAI) yang disyaki melakukan aktiviti penangkapan ikan secara haram di perairan negara ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Maritim Negeri Perak di kedudukan kira-kira 15 batu nautika utara Pulau Jarak, Sabtu lalu.

Pengarah Maritim Negeri Perak, Kapten Maritim Mohamad Shukri Khotob berkata, penahanan dilakukan aset APMM pada sekitar jam 2.32 petang.

Menurutnya, hasil pemeriksaan mendapati, vesel jenis tradisional itu dikendalikan oleh empat kru termasuk tekong, semuanya warga Indonesia berusia 20 hingga 34 tahun.

"Pemeriksaan lanjut mendapati vesel berkenaan disyaki melakukan kesalahan mengikut Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan dalam perairan Mala-

ysia tanpa permit yang sah selain turut disyaki melakukan kesalahan mengikut Akta Imigresen 1959/63 kerana gagal mengemukakan dokumen pengenalan diri yang sah.

"Semua kru, vesel, peralatan menangkap ikan serta hasil laut yang dianggarkan bernilai lebih RM2 juta ditahan dan diiring ke Jeti Pasukan Polis Marin (PPM) Kampung Aceh untuk siasatan lanjut," katanya.

Beliau berkata, Maritim Negeri Perak akan terus mempergiat rondaan dan operasi penguatkuasaan ba-

gi membanteras pencerobohan vesel nelayan asing yang bukan sahaja melanggar undang-undang negara, malah menjejaskan sumber perikanan tempatan serta keselamatan perairan negara.

Beliau turut menasihati komuniti maritim supaya menyalurkan sebarang maklumat berkaitan aktiviti mencurigakan atau kecemasan di laut melalui talian kecemasan 999 atau menghubungi Pusat Operasi Ibu Pejabat Maritim Negeri Perak di talian 05-683 8737 bagi membolehkan tindakan segera diambil.

PERAK

Tasting guavas' sweet success

Photos: Bernama

Tapah farmer overcomes setbacks to become big supplier to hotels, supermarkets

AFTER struggling financially as a contractor since 1984, Lee Lee Chong ventured into agriculture seven years ago.

Although he faced a few setbacks, he eventually found success in guava farming in Tapah, Perak – a business that is now generating impressive returns for him.

"In the contracting business, you are bound by agreements. Whether you make a profit or not, you still have to carry on.

"So I thought agriculture might be more suitable for me as it offered a better opportunity to reduce debt risk and achieve faster cash flow, as the monthly sales revenue was around RM80,000 to RM100,000," said the 64-year-old.

But success did not come easily.

His first project of growing pandan coconuts was ruined by coconut rhinoceros beetles and resulted in a loss of nearly RM60,000.

His attempt at growing 10,000 papaya trees also failed due to unsuitable soil.

"In 2019, a Taiwanese acquaintance introduced me to the Pearl guava which stands out with its superior taste and texture," he told Bernama at his Erawish Agriculture Sdn Bhd farm in Tapah, Perak.

The crisp, white-fleshed Pearl guava has fewer seeds and is exceptionally sweet.

The Bercham entrepreneur said his success with Pearl guavas led to other achievements with premium varieties like the Lohan, Ruby Pink and Watermelon Pink guavas.

Lee, who runs the 40.5ha farm with three partners and also grows pineapples, said it was all made possible with support and training from government agencies such as the Malaysian Pineapple Industry Board (LPNM)



Lee showing freshly harvested guavas from his farm in Tapah. (Right) Guavas waiting to be delivered to hotels, supermarkets and wholesalers.



and Perak State Agricultural Development Corporation (PPPNE).

"We currently have about 5,000 guava trees of various varieties.

"Our farm-to-market approach has contributed positively to fruit production, with eight to 10 tonnes per week.

"If this momentum continues, we can achieve 15 tonnes per harvest in the future."

The father-of-three added that demand for guavas had surged, particularly from five-star hotels, premium supermarkets, and wholesalers in Kuala Lumpur.

Aiming to become a major supplier, Lee said Pearl guava cultivation was especially appealing to him.

He received an interest-free loan of RM100,000 from PPPNE to strengthen crop production and RM250,000 from LPNM for a night farming project complete



Aerial view of the guava and pineapple farm in Tapah.

with solar and Internet of Things (IoT) systems.

The technology helps monitor temperature, pH and humidity to enhance quality and productivity

from his 350,000 pineapple plants.

"With strong yields and solid market demand, the farm has now become a pineapple seedling

supplier to the LPNM and can produce around 15,000 seedlings per month based on industry demand.

"We also optimise production through a three-tier system involving the fruit, suckers and agricultural waste, key components in pineapple plant management to maximise yields," he said.

Although the farm's current focus is fruit sales, Lee said there was potential in downstream products such as guava juice to minimise wastage.

"At present, around one tonne of fruit each week cannot be sold due to minor defects, but these can still be processed into other products to maximise profit," he said.

He added that rising material costs as well as disease risks were among the industry's main challenges.

Price hikes push community, home gardening initiatives

USING residential spaces for vegetable cultivation is seen as a practical way to help urban communities reduce living costs and cushion the impact of global supply disruptions.

The concept of *berbudi kepada tanah* (nurturing the land and reaping its rewards) through community garden initiatives not only enables residents to grow their own food but also reduces reliance on external supplies vulnerable to rising logistics and energy costs.

Kelab Pencinta Alam dan Rekreasi Kolam Takungan Banjir Sungai Midah chairman Mohd Zainuddin Amran said the effort involved five nearby communities – Kampung Malaysia Raya, Kampung Malaysia Tambahan, Pangsapuri Sri Malaysia, PPR Sri Malaysia and Desa Petaling.

He said an area that was previously abandoned and inaccessible had been transformed into a community space, including a spot for urban farming.

“Previously, the area was locked and often became a site for unhealthy activities, but we have revived it through commu-



A Kampung Malaysia Raya resident tending to banana trees at the community's urban farm. — Filepic

nity initiatives,” he told Bernama.

He said planting activities began to gain traction during the Covid-19 pandemic in 2020 when residents took the effort to grow vegetables as an alternative food source amid movement restrictions.

Among the crops are *kang-*

kung, *ulam-ulaman*, eggplant and banana which are easy to maintain and yield produce relatively quickly.

“*Kangkung* and *ulam* can be harvested within a short period, while bananas take between six months to a year,” said Zainuddin.

The cultivation area is about

2,787sq metres around the detention pond, with residents participating based on their availability.

The initiative also indirectly supports a call by Agriculture and Food Security Ministry for the public to take up farming to reduce reliance on imported supplies.

Meanwhile, Cameron Highlands Malay Farmers Association chairman Datuk Syed Abd Rahman Syed Abd Rashid said rising input costs such as fertiliser and diesel had driven up production costs, while farmgate prices remained low, affecting farmers' incomes.

He said although government subsidies had provided some relief, they were still insufficient as transportation and packaging costs had increased significantly.

The situation has resulted in some produce not reaching the market, with some even left to rot on farms as transporting them to collection centres was not feasible.

Commenting on the suggestion of home cultivation, Syed Abd Rahman described it as a posi-

tive step that could help the public save on daily expenses while ensuring their own food supply.

“Growing food for personal consumption reduces dependence on the market,” he said.

A private sector employee, Anis Suraya A. Aziz, 25, said her interest in home gardening was mainly influenced by her family's practice of using fresh produce from their garden as well as her desire to lead a healthy lifestyle.

“By growing my own vegetables, I save about RM10 to RM20 per month on groceries.

“Among the suitable crops are *bayam* Brazil, tomatoes and *kangkung* as they are easy to maintain and grow quickly in the local climate,” she said.

Anis Suraya said those living in apartments could still take up gardening by using pots, recycled containers or medium-sized polybags in small spaces like balconies.

“Limited space is not a barrier. What's important is ensuring the plants receive sufficient sunlight. Start off with those that are easy to care for.”